



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM7.99
• Daging Lembu Tempatan	RM38
• Daging Lembu Import	RM50.90

• Telur Gred A	RM13.50
• Ikan Kembung	RM14
• Minyak Masak	RM6.39

• Gula Pasir	RM1.79
• Bawang Besar Holland	RM3.39
• Bawang Putih	RM4.99

• Cili Merah	RM8.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM2.49
• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

DBKL roboh 15 unit kediaman flat lakukan ubah suai rumah secara melampau

Lima flat paling kerap buat ubah suai

(22 NOVEMBER 2022) KOSMO, P16

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

PETALING JAYA - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengesan lima flat di bawah pentadbirannya yang didapati sering melakukan pengubahsuaian kediaman secara melampau sehingga melanggar peraturan.

Kediaman terbabit ialah di Flat Kos Rendah Kuchai Entrepreneurs Park, Flat Sri Langkawi, Flat Kos Rendah Seksyen 2, Flat Kos Rendah Seksyen 4 dan Pangsapuri Andika, Setapak, Kuala Lumpur.

Kebanyakan penghuni di flat terbabit membuat pengubahsuaian dengan membina dinding tambahan di rumah masing-masing terutama penghuni yang tinggal di unit bahagian tepi dan aras bawah.

DBKL dalam satu kenyataan kepada *Kosmo!* mengakui isu ubah suai kediaman flat semakin berleluasa selepas tahun 2010.

"DBKL telah mengenal pasti lima flat yang sering melanggar peraturan ubah suai kediaman di sekitar Kuala Lumpur.

"Sehubungan itu, DBKL telah mengambil tindakan pengeluaran notis dan surat pemberitahuan di bawah peruntukan undang-undang terhadap pemilik-pemilik kediaman tersebut," katanya.

Sementara itu, DBKL menyenaraikan tiga akta yang menjadi panduan terhadap kesalahan para penghuni flat dalam pengubahsuaian kediaman.

"Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, (Akta 267) di



ANTARA rumah yang didakwa melakukan kerja pengubahsuaian secara melampau di Seksyen 4, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

bawah Seksyen 29; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, (Akta 133) di bawah Seksyen 70 dan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2015, Jadual Ke Tiga, Undang-Undang Kecil, Bawah Bahagian 7 Pengubahsuaian," je-



KERJA-KERJA ubah suai yang dijalankan melibatkan penambahan bilik di aras dua di belakang flat di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur.

lasnya.

Sehubungan itu, sebanyak 39 notis telah dikeluarkan oleh DBKL merujuk kepada pelbagai kesalahan pengubahsuaian kediaman bagi tempoh 2017 sehingga 2021.

"Manakala sebanyak 70 surat pemberitahuan telah dikeluarkan oleh Bahagian Teknikal, Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (COB, JPPH) sepanjang lima tahun setakat 2022.

"Angka tersebut meningkat setiap tahun iaitu lima kes tahun 2016 dan meningkat kepada 16 kes tahun 2017 dan kekal tinggi sehingga 19 kes 2020.

"Sehingga kini, terdapat sebanyak 15 kes yang berjaya dilaksanakan tindakan roboh iaitu empat kes di Parlimen Kepong; sembilan di Parlimen Bukit Bintang, satu kes di Parlimen Batu dan satu lagi kes di Parlimen Wangsa Maju," katanya.

Tambah kenyataan tersebut, antara masalah yang timbul ekoran sikap degil penghuni membuat pengubahsuaian kediaman secara tidak terancang telah menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat dilaksanakan dan juga menghalang laluan awam (*common area*).

"Ubah suai tambahan yang dilakukan di tingkat bawah telah dibina di atas permukaan longkang sehingga menyusahkan dan menghalang kerja penyelenggaraan di kawasan terbabit.

"Keadaan akan menjadi halangan utama sekiranya berlaku kecemasan seperti kebakaran," ujarnya.